



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Garis Panduan Keperluan Mengemukakan Permohonan Borang 1

bagi Peluasan/Pengubahan yang *Extensive* Hospital Swasta



Garis Panduan Keperluan Mengemukakan Permohonan Borang 1

bagi Peluasan/Pengubahan yang *Extensive* Hospital Swasta

HAKCIPTA TERPELIHARA

Kementerian Kesihatan Malaysia

Dokumen ini tidak boleh diterbitkan semula, secara keseluruhan atau sebahagian, dalam sebarang bentuk atau cara, elektronik atau mekanikal, tanpa kebenaran bertulis dari Cawangan Kawalan Amalan Perubatan Swasta, Bahagian Amalan Perubatan.

Disediakan oleh :

Cawangan Kawalan Amalan Perubatan Swasta
Bahagian Amalan Perubatan
Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 3, Blok E1, Kompleks E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 Putrajaya
Tel : 03-8883 1307

Dengan kerjasama :

Perbadanan Produktiviti Malaysia
Lorong Produktiviti,
Jalan Sultan 46200 Petaling Jaya,
Selangor Darul Ehsan
Tel : 03-7955 7266

ISBN 978-983-2786-49-8



KANDUNGAN

1.0 PENGENALAN	3
2.0 OBJEKTIF	4
3.0 KRITERIA BAGI MENGEMUKAKAN BORANG 1	4
4.0 TATACARA, ENTITI PEMOHON DAN SENARAI SEMAK	5
5.0 RUJUKAN	8
6.0 LAMPIRAN	9 - 21
7.0 PENGHARGAAN	22

1.0 Pengenalan

- 1.1. Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [Akta 586] dan Peraturan-Peraturan Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta (Hospital Swasta dan Kemudahan Jagaan Kesihatan Swasta Lain) 2006 [P.U. (A) 138/2006] telah dikuatkuasakan pada 1 Mei 2006.
- 1.2. Dalam situasi rutin, mana-mana Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta (KPJKS) berlesen seperti hospital swasta yang bercadang untuk melakukan peluasan atau pengubahsuaian atau pengubahan struktur atau fungsian sesuatu kemudahan, perlu mendapatkan kelulusan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dengan mengemukakan permohonan Borang 5 yang lengkap kepada Cawangan Kawalan Amalan Perubatan Swasta (CKAPS) di Ibu Pejabat Kementerian Kesihatan Malaysia (IPKKM), selaras dengan ketetapan Akta 586 dan Peraturan-peraturannya.
- 1.3. Perakuan Kelulusan Peluasan atau Pengubahan Kepada Kemudahan atau Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta Berlesen (Borang 6) akan dikeluarkan bagi permohonan Borang 5 yang lengkap dan mematuhi. Kelulusan Borang 6 tersebut sah laku selaras dengan tarikh sah laku lesen sesuatu KPJKS yang berkenaan. Tempoh sah lesen sesuatu KPJKS adalah sehingga 2 tahun. Tempoh sah maksimum Borang 6 juga adalah sehingga 2 tahun sahaja.
- 1.4. Walau bagaimanapun, terdapat hospital swasta berlesen yang berhasrat untuk melakukan peluasan atau pengubahan struktur atau fungsian yang *extensive*, di mana takat peluasan atau pengubahan struktur atau fungsian tersebut melebihi kapasiti sedia ada menyebabkan tempoh pembinaan terhadap cadangan peluasan atau pengubahan tersebut mengambil masa yang lama dan melebihi 2 tahun untuk disiapkan.
- 1.5. Malah, terdapat juga permohonan peluasan atau pengubahsuaian tersebut yang turut melibatkan perubahan fizikal dan hubungan (*linkage*) antara bangunan hospital swasta sedia ada dengan bangunan hospital baru.
- 1.6. Oleh itu, terdapat keperluan untuk permohonan tersebut dikemukakan sebagai Permohonan bagi Kelulusan untuk Menubuhkan atau Menyenggarakan Kemudahan atau Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta (Borang 1).
- 1.7. Perakuan Kelulusan untuk Menubuhkan atau Menyenggarakan Kemudahan atau Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta (Borang 2) boleh dikeluarkan bagi permohonan Borang 1 yang lengkap dan mematuhi. Tempoh kelulusan Borang 2 adalah tiga tahun, serta boleh dilanjutkan seterusnya sekiranya bersesuaian.
- 1.8. Garis panduan ini dikeluarkan bagi memudahkan pemohon mengenalpasti kriteria-kriteria yang diambil kira supaya permohonan-permohonan di mana Borang 1 perlu dikemukakan bagi tujuan-tujuan peluasan atau pengubahan yang *extensive* kepada KPJKS berlesen.

2.0 Objektif

- 2.1. Menjelaskan faktor-faktor yang diambilkira ketika menetapkan sesuatu permohonan peluasan atau pengubahan hospital swasta yang disifatkan sebagai *extensive*
- 2.2. Membantu hospital swasta berlesen yang terlibat (pemohon) untuk mengenal pasti kriteria-kriteria permohonan di mana Borang 1 perlu dikemukakan bagi tujuan-tujuan peluasan atau pengubahan yang *extensive* kepada KPJKS berlesen.
- 2.3. Memastikan permohonan dan kelulusan yang melibatkan peluasan atau pengubahan kepada KPJKS diproses dan dikeluarkan mengikut ketetapan Akta 586 dan P.U. (A) 138/2006.

3.0 Kriteria Bagi Mengemukakan Borang 1

- 3.1 Kriteria-kriteria yang menjadikan sesuatu permohonan peluasan atau pengubahan kepada KPJKS disifatkan sebagai *extensive* dan memerlukan permohonan Borang 1 adalah seperti berikut :
 - (a) Tempoh pembinaan dijangka akan mengambil masa lebih dari 2 tahun
 - Mana-mana pembinaan yang mengambil masa lebih 2 tahun atau melebihi tempoh maksimum kelulusan Borang 5 yang bergantung kepada tarikh luput lesen.
 - Perakuan Kelulusan (Borang 2) boleh dikeluarkan untuk tempoh sah yang lebih lama iaitu 3 tahun melebihi daripada tempoh sah Perakuan Kelulusan Peluasan atau Pengubahan (Borang 6), maksima 2 tahun.
 - (b) Penambahan blok
Peluasan yang *extensive* melibatkan penambahan blok atau blok-blok hospital baru sebagai tambahan kepada bangunan hospital sedia ada dengan penambahan kapasiti dan keluasan hospital swasta
 - (c) Peluasan atau pengubahan melibatkan penambahan kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan yang memerlukan kawasan klinikal yang luas
 - (d) *Physical linkage*
Apabila terdapat keperluan untuk mewujudkan fizikal infrastruktur bagi memastikan terdapat *physical linkage* diantara bangunan hospital swasta sedia ada dengan bangunan hospital swasta baru yang dicadangkan tersebut contohnya menyediakan *link bridge*, *link corridor*, *underpass* atau *physical linkage* dalam *compound* hospital swasta yang berkenaan (tertakluk kepada kelulusan pihak berkuasa tempatan bagi *physical linkage* tersebut).

- 3.2 Permohonan Borang 1 seperti di atas perlu mengemukakan surat tiada halangan daripada pihak berkuasa tempatan atau pihak berkuasa khasnya apabila perlu mewujudkan fizikal infrastruktur bagi memastikan terdapat *physical linkage* yang berkaitan bagi mengelakkan keputusan yang inkonsisten.

4.0 Tatacara Permohonan, Entiti Pemohon dan Senarai Semak

4.1 Permohonan Borang 1

- (a) Permohonan menggunakan Borang 1 secara manual atau atas talian (*online*).
- (b) Borang 1 boleh didapati di Bahagian Amalan Perubatan Kementerian Kesihatan atau Jabatan Kesihatan Negeri/Wilayah Persekutuan berhampiran.
- (c) Isi Borang 1 dengan **lengkap dan betul**.
- (d) Sediakan salinan dokumen-dokumen berikut iaitu:



- (i) Salinan kad pengenalan pemohon atau orang yang diberi kuasa (**Lampiran A**)



- (ii) Salinan sijil kelayakan profesional (termasuk sijil kepakaran) bagi- (**Lampiran B**)

- Pemohon atau orang yang diberi kuasa
- Setiap ahli perkongsian/ ahli lembaga pengarah pertubuhan perbadanan (jika berkaitan)



- (iii) Salinan sijil pendaftaran profesional (pendaftaran penuh dan perakuan amalan tahunan semasa) bagi- (**Lampiran C**)

- Pemohon atau orang yang diberi kuasa
- Setiap ahli perkongsian/ ahli lembaga pengarah pertubuhan perbadanan (jika berkaitan)

- (iv) Surat akuan bersumpah asal (tidak disabitkan dengan kesalahan melibatkan *fraud* atau ketidakjujuran atau bankrap yang belum dilepaskan) bagi- (**Lampiran D**)

- Pemohon atau orang yang diberi kuasa

- (v) Surat kuasa asal (bagi pemohon yang diberi kuasa oleh ahli perkongsian atau ahli lembaga pengarah pertubuhan perbadanan) (jika berkaitan) (**Lampiran E**)



- (vi) Dokumen mengesahkan status organisasi yang tidak mencari keuntungan (*not for profit*) (jika berkaitan)

- (vii) Dokumen konstituen (jika berkaitan)

- **Bagi perkongsian**
 - Permohonan pendaftaran perkongsian secara bertulis kepada Ketua Pengarah Kesihatan bagi entiti yang belum memohon (SSM tidak mendaftarkan perkongsian)
 - Surat pengesahan perkongsian yang ditandatangani oleh semua pekongsi dengan duti stem
 - Perjanjian perkongsian (jika ada)
- **Bagi pertubuhan perbadanan**
 - Borang 8 atau 9, Akta Syarikat 1965 (Perakuan Pernerbadanan Syarikat Sendirian – Perakuan Pendaftaran dengan SSM) **(Lampiran F)**
 - Borang 24, Akta Syarikat 1965 (Penyata Kewangan Syarikat) **(Lampiran G)**
 - Borang 44, Akta Syarikat 1965 (Alamat Syarikat) **(Lampiran H)**
 - Borang 49, Akta Syarikat 1965 (Nama Ahli Lembaga Pengarah) **(Lampiran I)**
 - *Memorandum and Articles of Association* pertubuhan perbadanan tersebut

- (viii) Cadangan komprehensif mengenai pengambilan tenaga kerja (**Lampiran J**)

- (ix) Pelan tapak (site plan) skala minima 1:5000

- (x) Dua (2) salinan Pelan lantai (*Complete building lay out & M&E*) skala 1:100 (**Lampiran K**)

- (e) Sediakan fi pemprosesan
- Dibayar dalam bentuk kiriman wang (*money order*) atau draf bank (*bank draft*) (wang tunai atau cek persendirian tidak diterima) atas nama **Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Malaysia**.

- Jumlah yang perlu dibayar adalah mengikut bilangan katil dan/atau seumpamanya yang dipohon seperti berikut:

Bilangan katil dan/atau seumpamanya	Fi pemprosesan
< 25	RM 2,000
25 - 49	RM 2,500
50 - 99	RM 3,000
100 - 199	RM 3,500
> 199	RM 4,000

- (f) Hantar satu (1) salinan Borang 1 yang telah lengkap diisi atau yang dicetak daripada permohonan secara atas talian (*online*) berserta sesalinan dokumen-dokumen sokongan yang **diperakui sah/asal** dan 2 salinan pelan lantai beserta fi pemprosesan ke alamat:

Cawangan Kawalan Amalan Perubatan Swasta
Bahagian Amalan Perubatan
Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 3, Blok E1, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 Putrajaya


- (g) Surat akuan terima beserta resit fi pemprosesan akan dihantar kepada pemohon setelah permohonan tersebut diterima dalam tempoh 1 minggu.
- (h) Permohonan yang tidak lengkap akan dikembalikan dan fi pemprosesan tidak akan dipulangkan.
- (i) Permohonan yang lengkap akan diproses dan dibentangkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Kecil Perakuan (JKKP) Hospital Swasta dalam tempoh 2 hingga 4 minggu.
- (j) Permohonan yang telah diperakui dalam JKKP Hospital Swasta akan dibentangkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Penilaian dalam tempoh 3 hingga 5 minggu.
- (k) Setelah permohonan diluluskan, Perakuan Kelulusan yang telah ditandatangani oleh Ketua Pengarah Kesihatan akan dikeluarkan kepada pemohon.
- (l) Permohonan yang tidak diluluskan akan dimaklumkan kepada pemohon secara bertulis.

5.0 Rujukan

- 5.1 Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [Akta 586].
- 5.2 Peraturan-Peraturan Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta (Hospital Swasta dan Kemudahan Jagaan Kesihatan Swasta Lain) 2006 [P.U. (A) 138/2006].



Lampiran A Salinan Kad Pengenalan




SALINAN DIAKUI SAH

Lampiran B
Salinan Sijil Kelayakan Profesional



The Senate of the *University of Malaya* hereby
makes known that - *[REDACTED]* has been
admitted to the Degree of Bachelor of Medicine, and
Surgery, he having been certified by duly appointed Examiners
to be qualified to receive the same, and having been by them placed
in the *Second* Class at the Examination held in the month
of *April* 19*79*.

Given under the seal of the University.
SALINAK DIAKUI SAH

Senate House,

November 1, 1980.

Registrar

[Signature]
B.Sc. Engg., D.Sc., C. Engg., F.I.E.E. (Lond.),
F.I. Eng. E. (Lond.), F.I.E. (Ind.).

Vice-Chancellor

Lampiran B
Salinan Sijil Kepakaran



Lampiran C Salinan Sijil Perakuan Amalan Tahunan

BORANG 12

AKTA PERUBATAN 1971
(Seksyen 20)

[K. K. M. P. M. 20]

PERAKUAN AMALAN TAHUNAN

MAKA ADALAH DENGAN INI DIPERAKUI bahawa

[Name]
yang tinggal di

[Address]

adalah seorang pengamal perubatan berdaftar penuh, adalah dengan ini diberikan kuasa untuk melaksanakan amalan sebagai seorang pengamal perubatan (tertebus kepada sekatan-sekatan dan syarat-syarat, jika ada, yang dinyatakan dalam perakuan pendaftaran penuh) semuanya bermula dan **01/01/2017** berakhir pada **31/12/2017** di

[Signature]
atau tempat-tempat amalan, dan di

[Signature]
atau tempat-tempat amalan yang lain

PERUBATAN MALAYSIA

Tarikh: 20/09/2016

Pendftar Pengamal Perubatan

*Bayaran sebanyak RM 50.00 dibayar melalui resit No. *[Resit No.]*
bertarikh: 17/11/2016

*Dikecualikan daripada membayar bayaran di bawah Peraturan 25.

*Polong yang mana tidak dipakai

SALINAN DIAKUI SAH

Lampiran C Salinan Sijil Perakuan Penuh

BORANG 10

(Peraturan 22)

AKTA PERUBATAN, 1971

(Seksyen 14 (1) dan 14 (3))

PERATURAN-PERATURAN PERUBATAN, 1974

PERAKUAN PENDAFTARAN PENUH


Perakuan Pendaftaran Penuh No. **42112**

ADALAH DENGAN INI DIPERAKUI bahawa

yang beralamat di

yang mempunyai kelulusan

telah pada hari ini didaftarkan penuh sebagai seorang pengamal perubatan di bawah seksyen 14 Akta Perubatan, 1971 dan adalah tertakluk kepada sekatan-sekatan dan syarat-syarat yang berikut:



SALINAN DIAKUI SAH

Tarikh: **05/05/2004**

Pendaftar Pengamal Perubatan

*Bayaran sebanyak RM100.00 telah dibayar lihat resit No.

bertarikh

*Dikecualikan daripada membayar suatu pembayaran di bawah Peraturan 25

* Potong mana yang tidak dipakai.

Lampiran D Surat Akuan Bersumpah Asal

STATUTORY DECLARATION

I, [REDACTED], a Malaysian citizen of legal age residing at [REDACTED], and of the DOCTOR do solemnly declare that :

- i) I have not been convicted of or had proven against me any offence involving fraud, dishonesty, sexual assault or violence;
- ii) I have not been found guilty by any regulatory body or court of misconduct or negligence in the conduct of a health service establishment;
- iii) I have not been the subject of an order by any regulatory body disqualifying me from acting as the proprietor of a health service establishment or an equivalent occupation under the jurisdiction of the regulatory body; and
- iv) I am not an undischarged bankrupt;

In any State or Territory within or outside Malaysia and there are no such matters pending.

AUTHORISATION:

I acknowledge that this declaration is true and correct and I make it in the belief that a person making false declaration is liable to the penalties of perjury.

Declared at Taiping in the State/Federal Territory of PERAK on this 08 day of Aug 2017

Signature of Applicant

Name of signatory in BLOCK LETTERS

Signature of Authorised Witness

No: A139

The witness must print their name, address and their authority.



Lampiran E Surat Kuasa Asal

Ruj Kami : OES/03/18

1 August 2018

PENGARAH AMALAN PERUBATAN
Cawangan Kawalan Amalan Perubatan Swasta (CKAPS)
Bahagian Amalan Perubatan
Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 3, Blok E1, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 PUTRAJAYA

Tuan/Puan,

**PEMBERIAN KUASA UNTUK [REDACTED] UNTUK
MEMBUAT PERMOHONAN UNTUK KELULUSAN MENUBUHKAN ATAU
MENYELENGGARAKAN KEMUDAHAN DAN PERKHIDMATAN JAGAAN
KESIHATAN SWASTA**

Dengan segala hormatnya, saya merujuk kepada perkara yang tersebut di atas.

Saya, [REDACTED]
seperti yang bertandatangan di bawah, memberi kuasa
kepada [REDACTED] untuk membuat permohonan untuk
menubuhkan/menyelenggarakan kemudahan and perkhidmatan jagaan kesihatan
swasta yang beralamat di [REDACTED]

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

[REDACTED]

Lampiran F
Borang 9

Disahkan *Certified True Copy*

SSM
SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA
COMPANIES COMMISSION OF MALAYSIA

Nama Borang BORANG 9
AKTA SYARIKAT 1965 [Seksyen 16(4)]

No. Syarikat - MyCoID
 D

PERAKUAN PEMERBADANAN SYARIKAT SENDIRIAN

Dengan ini diperakui bahawa

Nama Syarikat

telah diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965, pada dan mulai dari 19 haribulan Jun 2015, dan bahawa syarikat ini adalah sebuah syarikat berhad menurut syer dan bahawa syarikat ini adalah sebuah syarikat sendirian.

Dibuat di bawah tandatangan dan meterai saya di Kuala Lumpur pada 19 haribulan Jun 2015.



[Signature]
PENDAFTAR SYARIKAT
MALAYSIA

User : Date : 19/06/2015 10:16:49 AM

17

Lampiran I Borang 49

Certified True Copy

FORM 49
Companies Act, 1965
Section 141 (6)

RETURN GIVING PARTICULARS IN REGISTER OF DIRECTORS, MANAGERS & SECRETARIES AND CHANGES OF PARTICULARS

Company No.

Nama Borang

DIRECTORS							
Full Name	Nama - Nama B.C.D.	Birth	Residential Address	Business Occupation (if any)	Particulars of other Directorships	Nature of Appointment, or Changes and Relevant Date	Identity Card No./Passport No.
	MALAYSIAN/CHINESE			COMPANY DIRECTOR	.	NO CHANGE	
	MALAYSIAN/CHINESE			COMPANY DIRECTOR	.	NO CHANGE	

Lampiran J


Cadangan Komprehensif Pengambilan Tenaga

APPENDIX 1: PROPOSED TYPES OF SERVICES AT [REDACTED]

The specialist services provided will cater primarily for women and children's healthcare. The proposed medical services and specialist resident consultants are shown in the following table.

Medical Specialties	Number of Resident Consultants
Obstetrics and Gynaecology	6
Paediatrics	2
Anaesthesiology	2
Radiology	1
General Surgery	1
General Medicine	1

Lampiran K Pelan Lantai



Penghargaan

Dr. Ahmad Razid bin Salleh

Pengarah Amalan Perubatan, Bahagian Amalan Perubatan, Kementerian Kesihatan Malaysia

Dr. Afidah binti Ali

Timbalan Pengarah, Cawangan Kawalan Amalan Perubatan Swasta, Bahagian Amalan Perubatan, Kementerian Kesihatan Malaysia

Dr. Siti Zufina binti Abd Samah

Ketua Penolong Pengarah Kanan, Cawangan Kawalan Amalan Perubatan Swasta, Bahagian Amalan Perubatan, Kementerian Kesihatan Malaysia

Dr. Alicia Liew Hsiao Hui

Ketua Penolong Pengarah Kanan, Cawangan Kawalan Amalan Perubatan Swasta, Bahagian Amalan Perubatan, Kementerian Kesihatan Malaysia


Dr. Nurul 'Ain binti Selamat

Ketua Penolong Pengarah, Cawangan Kawalan Amalan Perubatan Swasta, Bahagian Amalan Perubatan, Kementerian Kesihatan Malaysia


Dr. Mohd Azran Hafiz bin Ahmad


Ketua Penolong Pengarah, Cawangan Kawalan Amalan Perubatan Swasta, Bahagian Amalan Perubatan, Kementerian Kesihatan Malaysia

NOTA



NOTA





KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
Kompleks E, Blok E1, E3, E6, E7 & E10,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62590 Putrajaya,
Wilayah Persekutuan Putrajaya

www.moh.gov.my